

# Cabaran dan Penyelesaian Dakwah di Majlis Ilmu dan Amal al-Burdah Baa al-Khalisah, Bengkalis

**BITARA**

Volume 3, Issue 4, 2020: 101-111  
 © The Author(s) 2020  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Limitations and Strategies to Overcome on Da'wah Activities on Islamic Organization of al-Burdah Baa Khalish, Bengkalis]

Affan Zahidi Azan Akbar<sup>1</sup> & Khazri Osman<sup>1</sup>

### Abstrak

Kajian ini meneliti cabaran dan penyelesaian daripada majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish sebagai salah satu media dakwah di Kabupaten Bengkalis. Kajian bertujuan untuk meneliti bentuk aktiviti penyebaran dakwah Islam dan cabaran yang dihadapi era globalisasi. Kajian kualitatif ini menggunakan metode purposive sampling, yang dibatasi kepada usaha mengungkapkan keadaan khusus pada suatu permasalahan dengan peserta kajian yang disesuaikan dengan objektif kajian supaya memberikan maklumat relevan yang berterkaitan dengan objek kajian. Dari hasil penelitian, kegiatan dakwah yang dilaksanakan oleh majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish ini berkembang dengan baik, dari awal mula pembentukan hingga dewasa ini. Kegiatan majlis ilmu dan amal yang diterapkan juga berkembang dengan aktiviti-aktiviti yang telah tersusun dengan baik. Adapun cabaran yang terungkap dalam kajian ini tidak merupakan cabaran yang berat. Dari temu bual mendalam diketahui bahawa cabaran dari luar majlis antara lain adalah mengenai penerimaan masyarakat terhadap kegiatan yang dilakukan, sedangkan cabaran dari dalam majlis adalah merupakan cabaran wajar dari suatu organisasi seperti tingkat kefahaman jamaah yang bermacam-macam. Dalam usaha mengatasi cabaran-cabaran yang ada di majlis ilmu dan amal Al Burdah Baa Khalish ini memperkenalkan sikap istiqomah dan berserah diri kepada Allah dalam melaksanakan dakwah islam.

### Kata kunci:

Cabaran Dakwah, Dakwah Islam; Majlis Ta'lim; Majlis Ilmu.

### Abstract

This research discussed about the limitations and strategies to overcome on da'wah activities on Islamic organization of Al-Burdah Baa Khalish, one of the da'wah center in Bengkalis regency, the province of Riau. This study aims to assess the activities on delivering of Islamic knowledge and obstacles that may happened in present globalization era. This study was conducted using qualitative approach with purposive sampling, where the informants were chosen limited to acknowledged only on one specialization in order to fit relevant information. Based on the results from this study, it is found that the da'wah activities that has been done at Al-Burdah Baa Khalish are going well since the establishments to the present time. Over the time, the schedules of activities were set and run accordingly. Some issues were identified during the key informant interview's discussions; however, there were no grand issues were identified. During the discussion from key informant interview, the informants explained that the limitation are came from inside and outside of the organization. The limitation from outside of organization are related to the acceptance of the society regarding the activities held in the organization, meanwhile limitation from inside of the organization happened is common issues of an organization may face, namely the various conditions and problems of the people

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

#### Corresponding Author:

KHAZRI OSMAN, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
 E-mail: kahzri@ukm.edu.my

engaged in the organization. To overcome those limitations happened in the organization, rulers of Al-Burdah Baa Khalish are using smooth approaches and prioritize istiqomah attitude and come back and ask help from Allah during delivering da'wah.

**Keywords:**

Da'wah limitations; Islamic da'wah; Majlis Ta'lim; Knowledge Gathering.

**Cite This Article:**

Affan Zahidi Azan Akbar & Khazri Osman. 2020. Cabaran dan penyelesaian dakwah di majlis ilmu dan amal al-Burdah Baa al-Khalisah, Bengkalis. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 101-111.

## Pengenalan

Kecanggihan teknologi dunia pada hari ini sedikit banyak telah mengubah pola peradaban dan keadaan zaman, baik ke arah positif maupun negatif. Hal ini pun juga berlaku dalam kegiatan dakwah yang semakin nampak kesannya dalam masyarakat. Pada era globalisasi ini, kegiatan dakwah telah mengalami kemajuan dari aspek penggunaan teknologi untuk berdakwah. Dalam masa yang sama, ia berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dalam menghadapi pelbagai permasalahan umat akibat globalisasi terhadap masyarakat, seperti penyalahgunaan teknologi dan maklumat, serta meningkatnya kehidupan materialistik yang menghilangkan nilai-nilai keagamaan dan kemanusiaan (Anwar 2012).

Indonesia sebagai salah satu negara yang memiliki populasi muslim terbesar juga menghadapi cabaran dalam dakwah di era globalisasi ini. Keadaan masyarakat Islam di Indonesia sekarang ini telah menunjukkan bahawa mereka semakin jauh dari muslim ideal yang (sebenar). Sebahagian mereka belum dapat membezakan antara ajaran Islam dengan warisan budaya leluhur, cenderung mengutamakan dirinya dalam menjalin hubungan kepada Allah SWT tanpa mempedulikan orang lain, lebih mementingkan urusan dunia daripada akhirat dan juga terdapat kumpulan masyarakat Islam intelektual yang menyampaikan wacana keislaman, namun tidak mudah difahami secara langsung oleh masyarakat awam sehingga menyebabkan kesalahfahaman masyarakat terhadap Islam (Muhammad Abzar D. 2015).

Variasi pertubuhan dakwah Islamiyah telah banyak berkembang di era modern ini, baik secara sendiri maupun berkumpul, salah satunya ialah melalui majlis ilmu dan amal. Di Indonesia, terdapat salah satu jenis pertubuhan dakwah Islamiyah yang banyak berkembang dan menyebar dakwah dalam kalangan masyarakat iaitu majlis ta'lim atau majlis ilmu. Majlis ilmu memiliki peranan penting dalam membina dan mengembangkan peribadi muslim sehingga dapat membentuk masyarakat muslim yang bertakwa kepada Allah SWT. Selain itu, majlis ilmu sendiri juga dapat dijadikan sebagai tempat bersilaturrahim untuk menghidupkan syiar Islam dan sebagai media pertukaran informasi dan gagasan yang bermanfaat bagi pembangunan umat dan bangsa (Marzuki 2016). Meskipun begitu, permasalahan dan cabaran dakwah yang dihadapi oleh umat Islam Indonesia memerlukan suatu institusi atau pertubuhan yang dapat menghimpun umat untuk kepentingan dan kemajuan dakwah itu sendiri (Ramlah M 2017).

Memandangkan banyak majlis ta'lim dan media dakwah yang ada di Indonesia, termasuk di Kabupaten Bengkalis, Riau, maka kajian ini akan membahaskan tentang salah satu pertubuhan dakwah yang ada di Bengkalis, yakni Majlis Ilmu dan Amal al-Burdah Baa Khalish (2002) sebagai kajian utama dalam kajian ini. Majlis ilmu dan Amal ini mengutamakan penerapan dakwah secara teori (keilmuan) dan praktik (amalan), majlis ini juga memiliki metode dakwah baru yang berbeza dengan kebanyakan majlis ilmu yang lainnya. Oleh karena itu, kajian ini akan tertumpu kepada perspektif ulama, jamaah dan masyarakat terhadap aktiviti, penerimaan dan cabaran dakwah yang dihadapi Majlis Ilmu dan Amal al-Burdah Baa Khalish sebagai salah satu media penyebaran dakwah Islamiyah.

## Konsep Dakwah dan Majlis Ilmu

Perkataan dakwah dari sudut Bahasa bermakna seruan, panggilan, maupun ajakan (Majmac al-Lughah al-Arabiyyah 2004). Sedangkan dari sudut istilah, terdapat beberapa pendapat. Menurut Sheikh Muhammad al-Rawi (1995), dakwah ialah seruan yang mengandungi aturan-aturan yang mengatur perilaku insan serta ketetapan-ketetapan yang berhubungan dengan hak dan kewajibannya. Manakala Sheikh Muhammad al-Khudr Husein (1927) pula berpendapat dalam kitabnya *al-Da'wah ila al-Islah*, dakwah iaitu memotivasi manusia untuk berbuat kebajikan, mengikuti petunjuk, menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran untuk dapat memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Seterusnya, Dr. Ahmad Ghalush (2005) dalam kitab *al-Da'wah al-Islamiyah*, juga menyatakan definisi serupa tentang dakwah iaitu suatu ilmu yang mempelajari tentang kepelbagaian usaha dan upaya dalam menyampaikan ajaran Islam berupa persoalan akidah, syariat dan akhlak kepada masyarakat. Sheikh al-Bayanuni (1999) pula mendefinisikan perkataan dakwah dengan lebih ringkas iaitu menyampaikan ajaran Islam kepada manusia, mengajarkannya serta menerapkannya ke dalam kehidupan.

Mengembangkan dan menyebarkan dakwah dapat dilakukan secara bersendirian ataupun berkumpulan. Berdakwah dengan berkumpulan dirasa lebih ringan kerana menyatukan kekuatan umat dibanding dengan dakwah bersendirian. Adapun anjuran dakwah secara berkumpulan telah disebutkan dalam Al-Qur'an Surah Āli 'Imrān 3:104:

وَلْتُكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ertinya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Dalam hal penyebaran dakwah secara secara berkumpulan, diperlukan suatu media yang dapat menghubungkan antara pendakwah (*Da'i*) dan penerima dakwah (*Mad'u*), sehingga terbentuklah pertubuhan Islam, antara lain ialah majlis ilmu. Majlis ilmu ialah sebuah pertubuhan atau institusi pendidikan bidang keagamaan non-formal yang memiliki kedudukan penting di masyarakat dalam menanamkan nilai-nilai keislaman (Ruslan 2000). Istilah majlis ilmu dan amal merujuk kepada suatu pertubuhan majlis ta'lim, yang tersebar dengan luas di Indonesia. sehingga pengasasnya yang menggunakan nama-nama khusus yang sesuai dengan

tujuan utama berdirinya majlis ta'lim tersebut ditubuhkan. Majlis ilmu dan amal ini merupakan suatu pertubuhan majlis ta'lim dalam proses belajar, mengajar dan menyampaikan dakwah yang berfokus kepada kajian ilmu keislaman dan amal-amal kebaikan. Kajian ini penting untuk dilaksanakan untuk mengungkapkan pelaksanaan dakwah melalui majlis ilmu sebagai salah satu bentuk media dakwah tradisional masih kekal dipakai sebagai tempat pendidikan dan pengajaran Islam di Nusantara.

Pembentukan bentuknya majlis ilmu ialah bertujuan untuk membimbing jamaah dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan benar, menciptakan peribadi muslim yang kaffah, meningkatkan taraf kehidupan ke arah yang lebih baik, serta membina keperibadian yang berakhhlak mulia (Setiawati 2012). Melihat peranan majlis ilmu (ta'lim) yang begitu besar, pemerintahan Indonesia menjadikan majlis ilmu sebahagian dalam sistem pendidikan nasional yang dikukuhkan dalam Undang-undang Republik Indonesia Nomor 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional dan Pasal 30 tentang Pendidikan Keagamaan. Oleh itu, kajian terhadap majlis ilmu sebagai salah satu media penyebaran dakwah patut diberikan perhatian dalam melihat perkembangan dakwah Islamiyah di rantau Nusantara.

Kesedaran masyarakat atas wajibnya menuntut ilmu tersebut turut direalisasikan melalui suatu bentuk gerakan dakwah berupa pengajian-pengajian yang didirikan di pelbagai tempat kumpulan masyarakat, seperti masjid, surau, rumah, pejabat dan lainnya. Wujud kumpulan-kumpulan pengajian sebagai tempat pendidikan dan pengajaran ilmu agama Islam dalam kalangan masyarakat telah melahirkan nama khas iaitu majlis ta'lim atau majlis ilmu.

## **Metodologi Penyelidikan**

Secara umum, kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif ialah kajian yang lebih meneliti terhadap suatu peristiwa ataupun fenomena. Lebih mendalam lagi, kajian ini menggunakan penyelidikan deskriptif yang tidak memerlukan banyak bilangan informan dan responden (Hamzah 2010). Tujuan penyusunan metodologi kajian ini ialah supaya kajian yang sedang pengkaji kaji berfokus dan bersistematis mencapai matlamat yang diinginkan. Lebih lanjut, Creswell (2014) mengungkapkan bahawa kajian kualitatif adalah salah satu proses inkuiri untuk memahami masalah sosial masyarakat berdasarkan data yang lengkap, pandangan informan secara mendalam serta temu bual secara mendalam. Berdasar kajian kualitatif, data yang diperoleh meliputi informasi-informasi yang didapat dari hasil temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen serta bahan tertulis lainnya (Jasmi 2012).

Reka bentuk kajian dalam penyelidikan ini ialah kajian pengamatan dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam untuk mendapat informasi terhadap kegiatan pada Majlis Ilmu dan Amal Al-Burdah Baa Khalish. Data-data dikumpul oleh pengkaji melalui proses kajian lapangan dengan menggunakan soalan temu bual dan pemerhatian sebagai kaedahnya. Kajian ini dilakukan di salah satu provinsi di Indonesia, ialah di Provinsi Riau, khususnya di Kabupaten Bengkalis. Subjek kajian ini ialah sebuah Majlis Ilmu dan Amal yang terletak di Kelurahan Senggoro, Kabupaten Bengkalis. Majlis ini dipilih kerana banyak sekali menjadi bahan perbincangan baik daripada alim ulama, masyarakat Bengkalis dan bahkan orang yang luar. Hal ini disebabkan aktiviti dakwah yang dilakukan oleh majlis ini tidak pernah terjadi sebelumnya (di masa moden), dan fasiliti yang dimiliki oleh Majlis Ilmu dan Amal Al

Burdah Baa Khalish juga sangat sederhana. Mereka mempunyai langgar yang dijadikan sebagai tempat untuk belajar agama dengan pimpinan majlis. Jemaah yang terhimpun dalam majlis ini juga ramai daripada luar Bengkalis sehingga membuat orang ramai hanya mengetahui secara umum tentang kewujudan majlis ini.

Pensampelan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Tujuan pengkaji menggunakan kaedah pensampelan adalah untuk mengumpulkan data secara lengkap daripada Majlis Ilmu dan Amal Al-Burdah Baa Khalish melalui informan yang pengkaji pilih melalui proses temu bual dengan lembaga-lembaga keagamaan Islam yang berada di Bengkalis serta tokoh-tokoh agama Islam dan pihak kerajaan yang diwakili oleh Kepala Seksi Bimbingan Masyarakat (BIMAS) Islam Kementerian Agama (KEMENAG) Kabupaten Bengkalis. Dengan mengetahui individu-individu yang dicadangkan sebagai responden oleh beberapa lembaga tersebut, pengkaji menggunakan pengalaman dan kebijaksanaan dalam memilih sampel yang boleh mewakili populasi yang sedang dikaji (Marican, 2005). Lima orang informan telah ditetapkan dalam penyelidikan ini. Kelima-lima orang tersebut dipilih bagi menjawab objektif yang pengkaji sedang kaji. Empat orang informan itu berasal daripada jemaah Majlis Ilmu dan Amal Al-Burdah Baa Khalish dan seorang dari mereka berasal daripada lembaga keagamaan tertinggi di Bengkalis iaitu Majlis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Bengkalis.

Prosedur pengumpulan data dilaksanakan dengan menggunakan perakam suara untuk menjalankan kaedah temu bual bersama para informan yang sudah ditentukan sebelumnya. Selanjutnya pengkaji juga telah mentranskripkan semua hasil rakaman suara tersebut dengan menggunakan beberapa aplikasi daripada komputer. Pengulangan hasil rakaman suara dilakukan bagi mengelakkan kekeliruan dan memastikan ungkapan yang disampaikan oleh responden betul-betul jelas. Sebagai penolong dalam penganalisisan ini, pengkaji menggunakan Atlas.Ti sebagai alat untuk memudahkan pengkaji juga dalam menganalisis hasil daripada rakaman suara dan dokumen yang pengkaji terima. Setelah itu, penguraian data secara deskriptif dilakukan dengan informasi tersebut dan juga diperolehi dari kajian literatur sehingga dapat dibuat kesimpulan daripada hasil-hasil yang telah diperolehi dari data analisis.

## Dapatkan Kajian

### Perkembangan dan Penerimaan Majlis Ilmu dan Amal Al-Burdah Baa Khalish

Setelah penyelidikan dalam majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish dilakukan sesi temu bual mendalam dengan beberapa orang *key-informants*, banyak data yang diperoleh oleh kajian ini. Dari para informan, mereka mengatakan bahawa perkembangan majlis ilmu dan amal bermula sejak 2002 dan berkembang baik sampai saat ini. Pada mulanya, kegiatan belajar ini masih sangat sederhana dengan aktiviti yang masih terbatas hingga tahun 2011. Namun selepas itu, jumlah jamaah yang terus meningkat, penyampaian dakwah dikembangkan lagi dengan mendirikan tempat kegiatan belajar agar lebih terpusat dengan kegiatan-kegiatan yang berlangsung di Majlis Ilmu dan Amal Al-Burdah Baa Khalish. Adapun kegiatan yang dilakukan di majlis ilmu Al-Burdah Baa Khalish ini terbahagi menjadi dua, iaitu majlis ilmu yang

mengajar mengenai ilmu tauhid, feqah dan tasawuf, dan selanjutnya majlis amal yang mengajarkan tentang amalan-amalan maulid untuk menumbuhkan kecintaan terhadap Rasulullah SAW. Dalam hal ini lah majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish ini sedikit berbeza daripada majlis ta'lim lainnya. Maulid yang dijalankan di majlis ini ialah seperti Maulid *Habsyi* atau Maulid *Simthudduror* yang merupakan salah satu kitab maulid yang umum dibaca di Indonesia, dimana berisi pujian dan riwayat kelahiran, kehidupan dan perjuangan Rasulullah SAW (Asad, 2019). Dari pembahasan-pembahasan yang diajarkan dalam majlis Alburdah ini, ketiga-tiga ilmu yang pengkaji sebutkan diatas merupakan ilmu fardhu ‘ain bagi tiap-tiap orang untuk mempelajarinya dan sudah turun temurun, namun generasi sekarang mulai berkurang minatnya terhadap hal tersebut.

Sasaran utama daripada majlis ilmu dan amal ini ialah anak muda generasi milenial. Di era globalisasi ini, generasi milenial mempunyai kecenderungan dan minat yang kurang dalam mendalami ilmu agama, sehingga membuat para pendiri majlis ilmu dan amal ingin lebih menekankan penyebaran dakwah kepada generasi muda. Seperti yang dikutip dari salah satu informan dalam temu bual mendalam:

“.. sekarang generasi modern ini sudah berkurang minat terhadap ilmu-ilmu lama ini, maka ini yang kita bangkitkaan lagi. Kalau dikatakan ya mungkin “membangkitkan batang terendam (“Membangkitkan batang terendam” adalah peribahasa melayu yang berarti mengadakan (memunculkan sesuatu yang telah lama hilang (<https://kbki.kata.web.id/membangkit-batang-terendam/>)”, jadi sasaran kita memang bukan orang-orang tua, sasaran kita memang pemuda, orang-orang paruh baya di umur 20 – 40 tahun begitu.” (Informan 2, 2019).

Pemikiran ini merupakan sebuah langkah yang baik dalam pengembangan dakwah di era moden ini. Para pendakwah memiliki pemahaman yang baik dengan kondisi kehidupan saat ini sehingga strategi dakwah daripada majlis ilmu dan amal ini pun menjadi jelas tujuannya sehingga dapat mengantisipasi cabaran yang mungkin terjadi. Malik Idris (2007) menjelaskan bahawa cabaran dakwah di era globalisasi ini dapat meliputi cabaran dari perspektif perilaku, dimana dakwah dilakukan bertujuan untuk mengubah perilaku menjadi lebih baik; perspektif transmisi, dimana dakwah dapat diertikan sebagai proses pernyampaian atau transmisi agama Islam dari *da'i* kepada *mad'u*; serta perspektif interaksi, dimana cabaran ketika berdakwah dilihat sebagai bentuk komunikasi yang khas dimana interaksi sosial akan terjadi yang dapat mempengaruhi satu pihak dengan pihak yang lainnya. Majlis ilmu dan amal al-Burdah Baa Khalish mengembangkan dakwahnya melalui pelbagai kegiatan harian, mingguan, bulanan hingga tahunan yang membuat jamaah menjadi tertarik dan ikut bergabung, terutama generasi muda.

“Dan yang paling menarik rata-rata yang bergabung ke majlis ini adalah anak muda yang selama ini mereka dikatakan jauh daripada agama lalu setelah mereka bergabung ke majlis ini mereka merasakan bahwa majlis ini adalah sebuah wadah yang paling cocok bagi mereka dalam rangka membangun kesadaran keagamaan.” (Informan 1, 2019).

Pendapat informan ini dapat menjadi salah satu hujah yang kuat dalam pengembangan majlis pada masa depan. Perkembangan dakwah adalah menjadi penting dimasa sekarang dan yang akan datang sebagai sokongan terhadap perkembangan kehidupan dan teknologi. Menurut Ghofur (2019), paradigma dakwah era milenial dimana keterbukaan informasi ialah hal yang bersifat umum, membawa implikasi negatif seperti lunturnya hubungan sosial sehingga perlu menjalankan dakwah secara sistematis dan strategis untuk menarik generasi muda sehingga dapat diterima dengan baik. Apabila majlis sudah dapat diterima oleh generasi milenial, maka perkembangan dakwah Islam akan dapat tersebar dan berkembang dengan baik. Penerimaan masyarakat terhadap perkembangannya majlis ilmu dan amal Al-Burah Baa Khalish dikemukakan berbeza-berbeza oleh para informan dalam temu bual yang mendalam. Secara umum, masyarakat menerima dengan cukup baik akan keberadaan majlis ilmu dan amal Al-burdah Baa Khalish. Dari hasil temu bual dengan beberapa orang informan, penerimaan masyarakat terhadap majlis ini cukup baik dan dapat menerima aktiviti yang ada.

Seterusnya, penerimaan dakwah oleh jamaah majlis ilmu juga patut dipertimbangkan. Temu bual dan diskusi ialah salah satu cara meyakinkan jamaah untuk bertahan dalam majlis ilmu, terutama jamaah yang baru bergabung. Memberi pemahaman mengenai kajian-kajian yang dijalankan yang memiliki sumber yang jelas, dan juga pendekatan dan komunikasi yang baik membuat para jamaah dapat menerima dakwah dengan sebenar, seperti kata-kata informan berikut ini:

“ bagi masyarakat yang belum bergabung kita mohon kepada Allah, berdoa kira dibukakan pintu oleh Allah akan hidayah kepada para pencari ilmu untuk dapat bergabung dan menerima dengan ilmu yang diajarkan, kemudian bagi yang awal awal kita senantiasa merangkul memberi pemahaman, bagi kami juga dulu merasa hal yang demikian...” (Informan 4, 2019).

Penerimaan dakwah oleh jamaah dipengaruhi oleh pelbagai aspek. Dalam tulisan Bukhari (2015), alasan jamaah menerima dakwah ada pelbagai seperti aspek ideologis, cara pendekatan dakwah, pemahaman fekahnya yang mudah difahami dan diamalkan. Disamping itu juga dapat dicetuskan oleh keinginan dari jamaah untuk berubah kepada yang lebih baik dan menjadi taat, serta adanya pendekatan persuasif. Melihat penerimaan masyarakat dewasa ini terhadap majlis Alburdah Baa Khalish ini, terbukti bahawa dalam usaha pengembangannya, orang-orang majlis ini memiliki pemahaman mengenai aspek-aspek tersebut sehingga mempermudahkan penerimaan masyarakat kepada keberadaan majlis ilmu dan amal ini.

## **Cabar dan Cadangan Penyelesaian Dakwah di Majlis Ilmu dan Amal al-Burdah Baa Khalish**

Dalam perkembangan dakwah yang dilakukan oleh majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish, ia tidak lepas daripada cabaran yang bersumber dari jamaah dan masyarakat pada umumnya. Secara keseluruhan, tidak ada cabaran yang besar dan bererti seperti kontak fizikal yang terjadi selama perkembangan majlis ilmu dan amal ini, hanya saja penerimaan masyarakat yang bermacam-macam mengenai kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan, ada yang menerima

dan ada yang menolak. Penolakan terhadap dakwah dari suatu majlis pada umumnya juga dapat terjadi apabila masyarakat atau calon jamaah memiliki perbezaan pandangan terhadap ilmu yang akan dipelajari, atau pun disebabkan oleh pendekatan yang kurang bijak dari pengurus sehingga membuat masyarakat tidak merasakan kecenderungan untuk bergabung (Bukhari, 2015). Latar belakang budaya dan pemahaman dari masyarakat dapat juga menjadi cabaran daripada usaha pengembangan dakwah kerana tingkat penerimaan mereka juga akan berbeza (Mohammed 2014). Dinamika masyarakat dengan pelbagai masalah membolehkan para pendakwah untuk dapat menyusun rencana yang tepat sebagai dasar dari sebuah gerakan dakwah dan mengatur dan mengorganisasi subjek dakwah ke dalam kesatuan-kesatuan dakwah tertentu (Budiantoro 2016).

Dari penyelidikan yang telah dilakukan, cabaran yang dihadapi oleh majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish ini dapat di urai menjadi cabaran luar dan cabaran dalam. Cabaran luar ini meliputi persepsi dan penerimaan masyarakat yang bermacam-macam. Disamping masyarakat yang menerima, juga terdapat masyarakat yang berhujah negatif, misalnya ajaran yang disampaikan adalah bid'ah disebabkan majlis ini dianggap memiliki metode baru dengan membuat majlis maulid setiap harinya secara bergantian rumah ke rumah yang menurut sebahagian masyarakat Bengkalis bukan sesuatu yang umum atau biasa. Seterusnya, cabaran-cabaran lainnya yang pengkaji dapati daripada informan iaitu semasa majlis ini ditubuhkan dan menjalankan aktiviti dakwah, banyak daripada masyarakat Bengkalis yang komen serta membuat status yang negatif di media sosial kerana adanya keraguan daripada masyarakat aktiviti yang dilakukan oleh para jamaah nampak berbeza dengan keberagaman yang ada. Informan 2 (2019) juga memberi penjelasan mengenai penerimaan masyarakat, yang mana disebutkan bahawa cabaran dari masyarakat awam tidak perlu dibalas atau tanggapi kerana daripada mereka banyak yang belum mengerti bahkan pengetahuan keagamaan yang mereka punyai sedikit; tetapi masyarakat khas (masyarakat yang memiliki cukup pengetahuan), adalah lebih baik untuk diselesaikan dengan diskusi dan memberi pemahaman mengenai dakwah ini. Sedangkan cabaran dari dalam majlis sendiri adalah cabaran yang cukup umum terjadi, khususnya sikap jamaah (Informan 2 dan Informan 5 2019). Cabaran internal yang berkaitan dengan jamaah biasanya berupa keluhan jamaah, yang dapat diselesaikan dengan metode persuasif dan memahami latar belakang daripada jamaah itu sendiri dan juga pendekatan psikologis, sehingga pemecahan masalahnya pun bergantung daripada individu jamaah masing-masing.

Lebih lanjut, dari pengamatan pengkaji selama berada di lokasi kajian, strategi pengembangan dakwah yang dilakukan di majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish ini menggunakan strategi “air mengalir” dan sesuai dengan situasi dan keadaan sekitar masyarakat, apabila dapat dihadapi dengan mengadakan musyawarah, musyuwarat dalaman, komunikasi yang lebih baik dan juga mencontohkan suri tauladan yang baik. Dalam menyelesaikan cabaran hendaknya dilakukan dengan ikhlas, menjalani cabaran yang ada dan tetap istiqomah dalam berdakwah (Informan 4 dan 5, 2019). Cadangan penyelesaian cabaran tersebut diselesaikan dengan berusaha tetap istiqomah dan berserah diri. Hal ini selaras dengan kajian oleh Umar (2009) yang mengemukakan bahawa sikap seorang muslim dalam menghadapi kehidupan adalah dengan tetap istiqomah dalam hidayah Allah SWT dan menjalankan kenikmatan agama Islam secara kaffah. Cabaran yang dihadapi oleh pendakwah merupakan rintangan tersendiri. Menurut kajian Nurul Izzah Che Haidi (2020), pendakwah memerlukan kredibiliti yang tinggi

dan profesional untuk menedepani segala cabaran sehingga tidak menggoyahkan semangat untuk terus berdakwah dan menegakkan Islam di dunia ini.

Apabila merujuk kepada kajian mengenai cabaran dakwah di era modern oleh Malik Idris (2007), cabaran-cabaran yang terjadi di majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish ini dapat dikelompokkan menjadi cabaran dalam perspektif perilaku dan perspektif interaksi, dimana cabaran dari perspektif perilaku ini lebih merujuk kepada cabaran internal dengan jamaah; dan perspektif interaksi, dimana cabaran terjadi dari interaksi antara masyarakat dengan majlis itu sendiri. Dari pengamatan pengkaji, tidak ada cabaran dari perspektif transmisi yang berlaku pada majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish. Majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish ini berkembang dan menyelesaikan setiap permasalahan ataupun cabaran yang mereka hadapi dengan memberikan pemahaman seperti menjelaskan kepada masyarakat mengenai aktiviti dakwah yang mereka jalani secara baik-baik dan berbahasa. Selain itu, pendakwah yang mana adalah ulama-ulama daripada majlis itu sendiri juga mengamalkan ajaran-ajaran agar supaya dapat menjadi contoh bagi jamaah dan masyarakat pada umumnya sebagaimana yang didedahkan oleh Informan 2 dalam hasil temu bual.

Melalui pendekatan majlis, penyebaran dakwah dapat terlaksana secara lebih tersusun dan terpadu. Keinginan untuk membangkitkan lagi amalan-amalan daripada orang-orang dahulu dan mengajak masyarakat dengan usia muda untuk bergabung merupakan salah satu bentuk kontribusi pengembangan dakwah yang baik, memandangkan di era perkembangan yang pesat ini, generasi muda mempunyai tingkat keinginan yang rendah untuk bergabung dalam suatu majlis dakwah. Kegiatan dakwah hendaknya dilakukan dengan mengajak, mendorong, tanpa paksaan dan provokasi, melainkan dengan baik dan hikmah. Dalam menjalankan dakwah yang dilakukan oleh majlis ilmu dan amal Al-Burdah Baa Khalish, majlis ini telah mengamalkan strategi dakwah yang baik sehingga dapat diterima oleh masyarakat tanpa adanya cabaran-cabaran yang ketara. Dengan kaedah dakwah yang baik ini telah banyak membuka hati dan keinginan masyarakat untuk bergabung belajar mendalami Islam itu sendiri. Berangkat dari keadaan jamaah yang belajar dan menerima ilmu agama dari majlis ini, menunjukkan bahawa majlis ilmu dan amal Alburdah Baa Khalish ini turut berkontribusi terhadap perkembangan dakwah Islam, khususnya di daerah Bengkalis ini.

## KESIMPULAN

Dari keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan, dapat disimpulkan aktiviti dakwah yang dilaksanakan di majlis ilmu dan amal Alburdah Baa Khalish ini tersusun dengan baik seiring dengan perkembangan majlis hingga saat ini. Respon masyarakat terhadap dakwah yang dilaksanakan oleh majlis ilmu dan amal Alburdah Baa Khalish dapat diterima dengan baik oleh masyarakat sekitar dan berkembang dengan baik, hanya sebahagian kecil saja orang yang belum dapat menerima disebabkan ketidakfahaman mereka. Dari penyelidikan dan pengkajian, tidak ada cabaran yang ketara seperti cabaran fizikal atau kekerasan yang diterima semasa aktiviti dakwah oleh majlis ilmu dan amal Alburdah Baa Khalish ini. Cabaran yang terjadi terdiri dari cabaran luar yang berkaitan dengan penerimaan masyarakat, dan cabaran dalam yang berkaitan dengan perilaku jamaah dengan pendakwah. Cadangan penyelesaian cabaran tersebut diselesaikan dengan berusaha tetap istiqomah dan berserah diri kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

- Anwar, Saepul. 2012. Aktualisasi Peran Majlis Taklim dalam Peningkatan Kualitas Ummat di Era Globalisasi. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Ta'lim*. 10 (1). 39-52.
- Asad, Muhammad. 2019. Sejarah masuknya Simthuddurar di Indonesia. Diakses dari <https://alif.id/read/muhammad-asad/sejarah-masuknya-simthud-durar-di-indonesia-b221355p/> pada 7 Agustus 2020.
- al-Bayanuni, Muhammad. 1999. *Al-Madkhāl ilā al-Ilmī al-Dā'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Budiantoro, Wahyu. 2016. Urgensi manajemen dalam pengembangan aktivitas dakwah. *Komunika*, vol 10, No.2, Juli-Desember 2016.
- Bukhari. 2015. Penerimaan dan Penolakan Pesan Dakwah dalam Interaksi Simbolik Da'i dan Mad'u pada Jamaah Tabligh di Kota Padang. *Jurnal Miqot* Vol. XXXIX, No.2, Juli-Desember 2015. Diakses dari <https://media.neliti.com/media/publications/153730-ID-penerimaan-dan-penolakan-pesan-dakwah-da.pdf>
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousands Oaks, CA. SAGE.
- Ghofur, Abdul. 2019. *Dakwah Islam di Era Milenial*. Insitut Agama Islam Syarifuddin Lumajang. Dakwatuna: Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam. Volume 5, Nomor 2, Agustus 2019. Hlm 136-149
- Hamzah, A. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media*. Malaysia. 6(1)
- Husein, Muhammed al-Khuḍr. 1927. *al-Dakwah ila al-Islāh*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiah wa Maktabatuhā.
- Idris, Malik, Strategi Dakwah Kontemporer, Cet. I; Makassar: Sawah Press, 2007.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Maktabah al-Abikan Husein, Muhammed al-Khuḍr. 1927. *al-Dakwah ila al-Islāh*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiah wa Maktabatuhā.
- Marican, Sabitha. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall
- Marzuki, Ahmad. 2016. Dinamika dan Peran Majlis Ta'lim dalam Meningkatkan Pengetahuan Keagamaan di Wilayah Suku Tengger. *Jurnal Mafhum*. 1 (2). 185-198.
- Mohammed, Abu Darbaa; Mohammad zulkifli; Abdul Ghani; Anuar Puteh; Mohd Shahrul Nizam Mohd Saron; Razaleigh Muhamat @ Kawangit; Abdul Ghafar Don; Ahmad Irdha Mokhtar. 2014. *Cabarān dakwah Islamiyah dan masalah perapi di Sarawak*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor. 2014.
- Nurul Izzah Che Hadi. 2020. Personaliti pendakwah dalam menyantuni masyarakat non-muslim. *Al-Hikmah* 12(1) 2020: 19-36

- Ramlah M. 2017. Majlis Taklim dan Peranannya dalam Peningkatan Dakwah di Kecamatan Wara Selatan Kota Palopo. *PALITA: Journal of Social-Religion Research*. 2 (1). 55-72.
- Ruslan, Muhsin. 2000. Majlis Taklim dan Kegiatan Dakwah di Kotamadya Jambi: Tumpuan Kajian Terhadap Majlis Taklim Kelompok Elit. Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Umar, Ratnah. 2009. Metode dakwah di era globalisasi. *Al-Tajdid*, Vol.1, No. 2/ Maret. Diakses pada 10 Oktober 2020 dari <https://ejournal.iainpalopo.ac.id/index.php/tajdid/article/download/571/436>